

MEREALISASIKAN HARAPAN RAKYAT

BULETIN PERDA

EDISI 3 | 2025


EXPERT

Expo PERDA 2025



PERASMIAN EKSPLO PERDA (EXPERT) 2025

Perasmian Ekspo PERDA (EXPERT 2025) telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli, Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, disertai ucapan oleh YBhg. Datuk Wira Ir. Dr. Shaik Hussein bin Mydin, Pengerusi PERDA.



-Berita penuh di muka 3-

MENARIK DI DALAM

02 PEMANTAPAN KAMPUNG ANGGAT MADANI - PENGURUS BESAR PERDA

05 LAWATAN DELEGASI GUANGDONG ECONOMIC & TRADE OFFICE IN SOUTHEAST ASIA (KL)

12 KUNJUNGAN HORMAT PERDA KE ATAS DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY



MISI

Agensi yang menggerak **pembangunan masyarakat setempat** menerusi pelaksanaan dan pengurusan **PROGRAM/PROJEK SOSIOEKONOMI** yang berkesan melalui **tadbir urus yang baik**.



VISI

Agensi pembangunan wilayah yang **DINAMIK** dalam menerajui pelaksanaan **pembangunan Wilayah Pulau Pinang**.



MOTO

Merealisasikan **HARAPAN RAKYAT**.

PENASIHAT

Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum

KETUA EDITOR

Nursolehin Abdul Malek

PENULIS

Nursolehin Abdul Malek
Normuslim Saad
Ahmad Hidayat

JURUGAMBAR

Zul Fathi Asmaon
Normuslim Saad
Nooraswadi Abu Bakar

GRAFIK

Mohamad Zulkifli Muhamad Radthi

DITERBIT DAN DICETAK

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
No.1, Lorong Kampung Gajah 2
Jalan Kampung Gajah
12200 Butterworth
Pulau Pinang, Malaysia



officialperda

TEL : 043141100
FAKS : 043141178
WEB : www.perda.gov.my
E-MEL : webmaster@perda.gov.my





YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli, Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang bersama YBhg. Datuk Wira Ir. Dr. Shaik Hussein bin Mydin dan pemimpin-pemimpin yang terlibat di dalam majlis perasmian EKSPo PERDA (EXPERT) 2025.

Perasmian EKSPo PERDA (EXPERT) 2025

**18 OKTOBER 2025 | MIDTOWN PERDA
KUBANG MENERONG**

Perasmian Ekspo PERDA (EXPERT 2025) telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli, Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, disertai ucapan oleh YBhg. Datuk Wira Ir. Dr. Shaik Hussein bin Mydin, Pengerusi PERDA.

Majlis turut menyaksikan Sesi Penyampaian Anugerah Usahawan Bumiputera MADANI Pulau Pinang 2025, termasuk Anugerah Khas Tokoh Usahawan PERDA sebagai tanda penghargaan kepada usahawan yang cemerlang dan berdaya saing.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah YB Datuk Haji Rashidi bin Zinol, EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan & Luar Bandar Negeri Pulau Pinang, bersama barisan tetamu jemputan kehormat.

Acara diteruskan dengan lawatan ke kiosk usahawan, menampilkan pelbagai produk kreatif dan inovatif hasil tangan anak tempatan.

Dalam pada itu, EXPERT 2025 menampilkan kaunter bayaran saman PDRM dengan diskaun, karnival kerjaya, dan pelbagai jualan produk usahawan Bumiputera dari seluruh Pulau Pinang.





Barisan peserta dan urusetia dalam Program Pemantapan Kampung Angkat Madani bersama Pengurus Besar PERDA.

Pemantapan Kampung Angkat Madani - Pengurus Besar PERDA

2 - 4 Oktober 2025 | Cameron Highlands

Program Pemantapan Kepimpinan & Pengurusan Komuniti telah berlangsung dengan jayanya di Cameron Highlands dengan penyertaan seramai 40 orang pimpinan dan penggerak komuniti Kampung Sungai Duri.

Majlis perasmian pembukaan program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Rashidi bin Zinol, EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar merangkap Timbalan Pengerusi PERDA manakala majlis penutupan pula telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum, Pengurus Besar PERDA dan turut dihadiri oleh Cik Massuria binti Mat Husin, Pengurus Pembangunan Insan PERDA.

Sepanjang program ini, para peserta telah diberi pendedahan dan bimbingan dalam aspek kepimpinan komuniti berkesan, pengurusan organisasi, pembangunan digitalisasi, pengurusan mesyuarat, perancangan serta pelan tindakan pembangunan kampung.

Selain itu, peserta turut mendapat perkongsian berharga mengenai Anugerah Desa Madani (ADM) sebagai inspirasi kepada model pembangunan desa, serta pendedahan mengenai Kampung Angkat Madani (KAM) yang menekankan pendekatan inklusif dan kolaboratif dalam membangunkan komuniti.

Untuk makluman, Kampung Sungai Duri merupakan Kampung Angkat Madani Pengurus Besar PERDA yang mengambil bahagian dalam ADM dan memperoleh tempat ketiga pada tahun 2024 peringkat negeri Pulau Pinang.

Program anjuran Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) ini diadakan bagi memperkasakan barisan pimpinan komuniti agar lebih berwibawa, tersusun dan berwawasan.

Semoga pelaksanaan program ini menjadi titik tolak kepada pengurusan komuniti yang lebih mantap, sekali gus memperkukuh kesejahteraan masyarakat Kampung Sungai Duri selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.





Penyertaan ini melibatkan 10 orang pelajar cemerlang daripada pertandingan PERDA Robotic Challenge 2024, bersama tiga orang guru merangkap mentor, yang membentuk Pasukan Robotik PERDA.

Pasukan Robotik PERDA Rangkul Anugerah “Rising Star Award” di Kejohanan First LEGO League Challenge 2025

3 - 5 Oktober 2025 | Shah Alam

Buat julung kalinya, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah menghantar satu pasukan untuk menyertai Kejohanan FIRST LEGO League Challenge 2025 yang berlangsung dari 3 hingga 5 Oktober 2025 di University of Wollongong, Shah Alam.

Penyertaan ini melibatkan 10 orang pelajar cemerlang daripada pertandingan PERDA Robotic Challenge 2024, bersama tiga orang guru merangkap mentor, yang membentuk Pasukan Robotik PERDA. Inisiatif ini merupakan projek rintis PERDA bagi memperkasakan penguasaan subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan pelajar luar bandar.

Pasukan Robotik PERDA telah berjaya merangkul Rising Star Award, daripada 62 pasukan yang mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut, sekali gus membuktikan potensi serta keupayaan pelajar luar bandar untuk bersaing di peringkat nasional.

Kejayaan ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada usaha PERDA dalam memperluas program berasaskan STEM dan robotik di kawasan luar bandar selaras dengan agenda pendigitalan dan pembangunan modal insan negara.





Majlis perasmian dan penutupan kursus ini telah disempurnakan oleh Puan Noor Hayati Binti Ishak, Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) PERDA, yang turut dihadiri oleh Cik Massuria binti Mat Husin, Pengurus Pembangunan Insan PERDA.

Kursus Solekan dan Tatarias di Bawah Program Bimbingan Pemula 2025

9 - 11 Oktober 2025 | Hotel Bahang Bay, Teluk Bahang

Bahagian Pembangunan Insan (BPI) telah menganjurkan Kursus Solekan dan Tatarias di bawah Program Bimbingan Pemula 2025 pada 9 – 11 Oktober 2025 bertempat di Bahang Bay Hotel, Teluk Bahang, Pulau Pinang.

Majlis perasmian dan penutupan kursus ini telah disempurnakan oleh Puan Noor Hayati Binti Ishak, Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) PERDA, yang turut dihadiri oleh Cik Massuria binti Mat Husin, Pengurus Pembangunan Insan PERDA.

Sepanjang kursus ini berlangsung, para peserta telah diberi pendedahan berkaitan ilmu mengenai pelbagai alat solekan, ilmu solekan terkini serta gaya pemakaian tudung yang boleh dikomersialkan dalam pasaran. Para peserta juga diberi pendedahan berkaitan ilmu mengambil gambar, video dan teknik mengedit gambar serta video sekaligus boleh digunapakai dalam mempromosikan produk masing-masing.

Kursus ini dihadiri oleh 34 peserta yang terdiri dari ibu tunggal sebagai golongan sasaran yang ingin dibantu oleh PERDA dengan tujuan menjana pendapatan dan mengukuhkan ekonomi golongan sasaran.

Semoga dengan pelaksanaan kursus ini, peserta berani dan bersedia memasarkan produk melalui atas talian dan sebagai pendorong agar peserta berdaya maju dalam bidang keusahawanan.



Lawatan Delegasi dari Guangdong, China ini disambut oleh Pengurus Besar PERDA, YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum bersama-sama wakil daripada Penang Halal International (PHI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Wilayah Utara dan Pihak Berkuasa Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Lawatan Delegasi Guangdong Economic & Trade Office In Southeast Asia (KL)

10 Oktober 2025 | PERDA, Kampung Gajah

PERDA telah menerima lawatan dari Delegasi Guangdong Economic & Trade Office In Southeast Asia (Kuala Lumpur) yang diketuai oleh Mr Zhang Junhong dan Delegasi Zhuhai National High-Tech Industrial Development Zone, Guangdong, China yang diketuai oleh Mr Tian Li pada 10 Oktober 2025 bertempat di Ibu Pejabat PERDA, Butterworth.

Lawatan ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada peserta delegasi berkaitan peranan yang dimainkan oleh agensi kerajaan, bertukar pandangan serta jalinan kerjasama yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan dalam memacu pembangunan ekonomi antara kedua-dua negara.





YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum menerima hadiah sempena Ekspo TVET@KKDW 2025 disaksikan oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

PERDA-TECH Sertai Ekspo TVET@KKDW 2025 dan Raih Kejayaan Cemerlang

10 - 12 Oktober 2025 |

Ipoh Convention Centre (ICC), Ipoh

Ekspo TVET@KKDW 2025 telah dirasmikan dengan penuh meriah oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, di Indera Mulia Convention Centre (ICC), Ipoh, Perak.

Dalam majlis perasmian tersebut, PERDA-TECH telah menerima Alat Bantu Mengajar BYD Qin Training Set bernilai RM906,432.60 sumbangan daripada Beifang, sebagai salah satu inisiatif memperkukuh kemudahan pembelajaran dalam bidang automotif elektrik di institusi tersebut.

Sebagai tanda penghargaan, cenderahati berupa hasil ukiran tangan oleh En. Fadhil Latiffi turut diserahkan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri semasa sesi lawatan tapak pameran berlangsung.

Sempena ekspo yang berlangsung dari 10 hingga 12 Oktober 2025, PERDA-TECH turut mengambil bahagian dalam pelbagai pertandingan dan aktiviti berkaitan kemahiran serta inovasi TVET.

Hasil daripada penyertaan tersebut, PERDA-TECH telah berjaya meraih enam (6) kemenangan dalam beberapa kategori pertandingan, iaitu:

- Pertandingan Operasi Drone – Johan
- Pertandingan Arca Kreatif – Tempat Ketiga
- KKDW Fashion-Techno Competition – Johan
- KKDW Fashion-Techno Competition – Tempat Ketiga
- KKDW Runway Project – Tempat Ketiga
- Cabaran Teh Tarik – Tempat Ketiga

Kejayaan ini membuktikan keupayaan pelajar dan tenaga pengajar PERDA-TECH dalam menerapkan kemahiran teknikal, kreativiti, dan inovasi yang selaras dengan aspirasi Kemajuan Desa dan Wilayah melalui pendidikan TVET.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta dan tenaga pengajar yang telah mengharumkan nama PERDA-TECH di pentas kebangsaan. Semoga kejayaan ini menjadi penyuntik semangat untuk terus melahirkan tenaga mahir berdaya saing dalam bidang kemahiran dan teknologi masa depan.



YB Dato' Haji Rashidi bin Zinol, Timbalan Pengerusi PERDA bersama 40 usahawan yang menyertai Program Pemasaran Digital Usahawan.

Program Pemasaran Digital Usahawan

19 Oktober 2025 | Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas

Seramai 40 usahawan bimbingan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah menyertai Program Pemasaran Digital Usahawan yang dianjurkan bagi meningkatkan keupayaan mereka memasarkan produk secara dalam talian selaras dengan trend semasa ekonomi digital.

Program ini telah berlangsung pada 19 Oktober 2025 bertempat di Hotel Seri Malaysia Kepala Batas, Pulau Pinang.

Program ini memberi tumpuan kepada teknik promosi, strategi menjana jualan, penjenamaan, penghasilan kandungan media sosial serta penggunaan platform e-dagang bagi membantu usahawan memperluas capaian pasaran. Peserta turut didedahkan dengan teknik penggunaan iklan berbayar serta kaedah menghasilkan bahan promosi yang lebih berkesan dan bersasar.

Program ini juga diharapkan menjadi nilai tambah kepada para peserta untuk memperkukuh jenama masing-masing di medium digital serta menembusi pasaran lebih luas di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.





YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum, Pengurus Besar PERDA juga turut hadir ke Program Latihan Professional Commercial Scuba Diving dan Commercial Air Diving (PLASK).

Program Latihan Professional Commercial Scuba Diving dan Commercial Air Diving (PLASK)

26 Oktober 2025 | Selangor

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) hadir ke Program Latihan Professional Commercial Scuba Diving dan Commercial Air Diving (PLASK) yang merupakan satu inisiatif latihan berimpak tinggi yang membuka peluang kepada golongan B40 untuk menceburi bidang penyelaman komersial bertaraf antarabangsa.

Program ini dianjurkan oleh Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) dengan kerjasama Commercial Diver Network International (CDNI).

Inisiatif ini bertujuan memberi pengetahuan, kemahiran dan kelayakan profesional kepada peserta dalam bidang penyelaman industri, termasuk kimpalan bawah air, kerja penyelamatan, pemeriksaan bawah air serta pembinaan marin.

Melalui kursus intensif selama 15 hari, peserta menjalani latihan merangkumi:

- Kelas Berenang
- CDNI Competent Commercial Scuba
- CDNI Competent Commercial Air Diver
- Welding & Cutting Underwater
- Construction Diver Level 1 & 2 (CIDB)

Peserta yang berjaya menamatkan latihan ini bakal menerima sijil profesional yang diiktiraf antarabangsa, antaranya:

- CDNI Competent Commercial Scuba Level 1
- CDNI Competent Commercial Air Diver Level 2
- Underwater Welding Certified by Bureau Veritas
- Construction Diver Level 1 & 2 (CIDB)





Siri akhir bagi Program PREP Tahun 2025 diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) PERDA, YBr. Puan Noor Hayati binti Ishak dan Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) PERDA, YBr. Tuan Haji Anuar bin Haji Shahab.

Bengkel Pemantapan Usahawan Program Rural Apprentice Entrepreneurship PERDA (PREP) Siri 3

1 - 2 November 2025 | Bin Daud Boutique Chalet, Baling

Bengkel Pemantapan Usahawan Program Rural Apprentice Entrepreneurship PERDA (PREP) Siri 3 dan Majlis Penutup PREP Tahun 2025 telah diadakan pada 1 hingga 2 November 2025 bertempat di Bin Daud Boutique Chalet, Kampung Tiak, Baling, Kedah.

Bengkel ini merupakan siri terakhir bagi Program PREP Tahun 2025 dan diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) PERDA, YBr. Puan Noor Hayati binti Ishak dan Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) PERDA, YBr. Tuan Haji Anuar bin Haji Shahab. YBr. Puan Noor Hayati juga turut menyempurnakan perasmian Majlis Penutup PREP Bagi Tahun 2025.

PREP merupakan satu inisiatif yang dirancang untuk memberi peluang kepada masyarakat Pulau Pinang bagi menjana pendapatan tambahan khususnya usahawan baharu yang mempunyai kecenderungan, minat dan kesungguhan untuk menjadikan perniagaan sebagai sumber pendapatan tambahan.

Bengkel Pemantapan Usahawan PREP Siri 3 dan Majlis Penutup Bagi Tahun 2025 ini melibatkan para mentee daripada tujuh (7) bidang keusahawanan iaitu Pengurusan Acara & Majlis, Penjagaan Tanaman Hiasan, Penjagaan Haiwan, Rekabentuk & Hiasan Dalaman, Perbidanan, Terapi Urutan & Fisio Sukan serta Rekaan Fesyen.





YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum, Pengurus Besar PERDA menyeru agar seluruh kakitangan terus memperkukuh nilai-nilai murni serta menghayati budaya integriti dalam setiap aspek kerja seharian.

PERDA Perkasa Amalan Integriti

10 November 2025 | Ibu Pejabat PERDA

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah mengadakan Perhimpunan Bulanan bagi bulan November 2025, yang turut diserikan dengan ucapan bersempena Bulan Integriti PERDA, bertempat di Dewan Mutiara Wawasan, Ibu Pejabat PERDA.

Majlis penuh bermakna ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum, Pengurus Besar PERDA, yang turut menyampaikan amanat penghargaan kepada seluruh warga kerja PERDA atas usaha gigih, dedikasi, dan komitmen tinggi dalam merealisasikan visi serta misi organisasi. Turut hadir memeriahkan majlis ialah YBrs. Tuan Haji Anuar bin Shahab, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan), dan YBrs. Puan Noor Hayati binti Ishak, Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan).

Dalam ucapannya, Dato' Pengurus Besar menzahirkan rasa bangga dan setinggi-tinggi tahniah atas pencapaian cemerlang PERDA serta kejayaan individu warga kerja dalam melaksanakan tugas dan meningkatkan pembangunan sendiri.

Sebagai mengisi pengisian Bulan Integriti PERDA, majlis turut dimeriahkan dengan bicara ilmu anjuran Unit Integriti bertajuk "Islam dan Integriti" yang disampaikan oleh Ustaz Azlan Shah Nabees Khan. Perhimpunan ini bukan sahaja menjadi platform untuk memperkukuh semangat kebersamaan dan kekitaan dalam kalangan warga kerja PERDA, malah menyerlahkan komitmen berterusan organisasi dalam membudayakan integriti, akauntabiliti dan profesionalisme di setiap peringkat.





YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum dan bersama barisan peserta yang hadir dalam program Bengkel Pemurnian dan Penyelarasan Projek Fizikal PERDA.

Bengkel Pemurnian dan Penyelarasan Projek Fizikal PERDA

12 - 14 November 2025 | Midtown PERDA, Kubang Menerong

PERDA telah melaksanakan Bengkel Pemurnian Pelaksanaan Projek Fizikal Tahun 2025, Penyelarasan Projek Fizikal Tahun 2026 dan Perancangan Projek Fizikal Tahun 2027 pada 12 hingga 14 November 2025 bertempat di Dewan Rafflesia, Midtown PERDA Kubang Menerong.

Bengkel ini melibatkan penyertaan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang terlibat dalam proses penyelarasan, semakan serta perancangan projek fizikal PERDA bagi memastikan pelaksanaan projek lebih teratur, efektif dan selaras dengan sasaran organisasi.

Fokus utama bengkel merangkumi:

- Pemurnian status pelaksanaan projek fizikal 2025
- Penyelarasan keutamaan projek fizikal 2026
- Perancangan awal projek fizikal 2027
- Perbincangan isu teknikal dan penambahbaikan proses pelaksanaan pembangunan

PERDA merakamkan penghargaan kepada semua peserta atas komitmen dan kerjasama sepanjang bengkel ini. Semoga hasil perbincangan dapat memperkukuh keberkesanan pelaksanaan projek fizikal PERDA pada masa hadapan.





Delegasi PERDA telah diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum, Pengurus Besar PERDA bersama-sama kedua-dua timbalan dan barisan pegawai kanan.

Kunjungan Hormat PERDA Ke Atas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

17 November 2025 | Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah melaksanakan Kunjungan Hormat rasmi ke atas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Kunjungan rasmi ini bertujuan sebagai platform pertukaran pandangan dan perbincangan mengenai peluang kerjasama strategik yang boleh diertatkan antara kedua-dua pihak demi memacu pembangunan sosioekonomi wilayah Pulau Pinang.

PERDA optimis kerjasama strategik ini akan mengukuhkan lagi usaha pembangunan yang mampan dan inklusif di Wilayah Pulau Pinang.





Barisan Pengurusan Tertinggi PERDA bersama-sama YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Mahmood dan pelajar cemerlang PERDA-TECH 2025.

PERDA-TECH Rai 415 Graduan

29 November 2025 | Dewan Utama PERDA-TECH, Nibong Tebal

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) menerusi Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) berbesar hati menganjurkan Majlis Konvokesyen PERDA-TECH Ke-14 di Dewan Utama PERDA-TECH, Nibong Tebal.

Majlis penuh kemeriahan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Seramai 415 orang graduan daripada pelbagai program Diploma dan Sijil diraikan atas kejayaan mereka menamatkan pengajian.

Kejayaan PERDA-TECH sebagai pengeluar tenaga kerja TVET berkualiti disokong oleh pencapaian luar biasa di mana 82% graduan tahun 2024 telah berjaya mendapat pekerjaan dalam bidang kemahiran masing-masing.

Dengan penawaran 7 Program Sijil, 7 Program Diploma, dan 5 Program Khas, dan pengiktirafan ISO 9001:2015, PERDA-TECH kekal komited untuk memperkasakan belia dan wilayah dengan kemahiran yang relevan dan bernilai tinggi.





PERDA menerima lawatan kerja daripada Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) yang dihadiri seramai 11 orang wakil diketuai oleh YBrs. Ag. Azmee bin Ag. Kati, Pengerusi MBJ Pihak Pekerja, DBKK.

MBJ Perkukuh Hubungan Bersama Pengurusan

10 Disember 2025 | Butterworth


Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) menerima lawatan kerja daripada Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) yang dihadiri seramai 11 orang wakil diketuai oleh YBrs. Ag. Azmee bin Ag. Kati, Pengerusi MBJ Pihak Pekerja, DBKK.

Lawatan ini bertujuan mengeratkan hubungan antara wakil MBJ PERDA dan DBKK serta membuka ruang perkongsian pengalaman, idea dan amalan terbaik dalam usaha memperkukuh sistem tadbir urus antara Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi Persekutuan di Malaysia.

Sepanjang lawatan, para delegasi telah mengikuti sesi taklimat dan perkongsian mengenai pelaksanaan MBJ di PERDA yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan), YBrs. Tuan Haji Anuar bin Shahab, sebelum meneruskan lawatan ke lokasi Agrotourism di Labuh Banting.

Diharapkan lawatan kerja ini dapat memberikan pendedahan bermanfaat serta menyumbang kepada peningkatan keberkesanan pelaksanaan MBJ di agensi masing-masing.





YBhg. Datuk Wira Ir. Dr. Shaik Hussein bin Mydin dan YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum bersama barisan pemimpin PERDA bergambar dalam Majlis Pelancaran Trak Perkhidmatan Desamall@PERDA.

Memperkasa Keusahawanan Luar Bandar Melalui Promosi Bergerak

12 Disember 2025 | Butterworth

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Trak Perkhidmatan Desamall@PERDA, selaras dengan aspirasi Teras 2 Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB), iaitu Keusahawanan Pemacu Pembangunan Ekonomi.

Trak Perkhidmatan Desamall@PERDA merupakan inisiatif strategik yang berfungsi sebagai pentas perniagaan bergerak dan kedai bergerak bagi produk usahawan desa.

Objektif utama inisiatif ini adalah untuk meningkatkan keterlihatan jenama produk desa dan memperluas capaian pasaran usahawan tempatan ke peringkat yang lebih luas.

Dalam pada itu, trak ini juga akan memudahkan penyertaan produk desa dalam ekspo, karnival, dan aktiviti berskala besar anjuran kementerian serta kerajaan negeri.

PERDA komited memastikan Trak Perkhidmatan Desamall ini menjadi pemacu penting kepada kemajuan ekonomi desa dan kesejahteraan masyarakat luar bandar.





YBhg. Datuk Wira Ir. Dr. Shaik Hussein bin Mydin dan YBhg. Dato' Haji Omar bin Abd Hamid bergambar bersama pelajar terpilih yang menerima sumbangan.

PERDA Komited Ringankan Beban 200 Pelajar

30 DISEMBER 2025 |
DEWAN RAFFLESIA, MIDTOWN PERDA

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan kerjasama anak syarikatnya PERDA Venture Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB) hari ini terus memperkasakan agenda kebajikan masyarakat melalui pelaksanaan Program Kembali Ke Sekolah yang menyasarkan bantuan kepada 200 orang murid daripada golongan berpendapatan rendah (B40) di seluruh daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Secara keseluruhannya, sebanyak RM50,000.00 telah diperuntukkan bagi menyokong inisiatif ini melalui sinergi antara dana PERDA, sumbangan peribadi Pengerusi PERDA dan peruntukan khas PERDA Venture Incorporated Sdn. Bhd.

Program yang berlangsung di Dewan Rafflesia, Midtown PERDA ini merupakan manifestasi keprihatinan agensi dalam memastikan kekangan kewangan tidak menjadi penghalang buat anak-anak di 18 buah sekolah dan 27 buah kampung untuk menuntut ilmu.

Setiap pelajar terpilih menerima baucar tunai bernilai RM150.00 yang memberikan fleksibiliti kepada

ibu bapa untuk membeli pakaian seragam dan peralatan sekolah mengikut keperluan spesifik anak-anak.

Fokus utama bantuan ini adalah untuk meningkatkan motivasi serta memastikan tiada murid yang tercicir daripada sesi persekolahan atas faktor kemiskinan.

Datuk Wira Ir. Dr. Shaik Hussein Mydin, Pengerusi PERDA menyifatkan bahawa pendidikan adalah 'game changer' untuk mengubah nasib sesebuah keluarga dan melalui bantuan ini, PERDA bukan sekadar memberi baucar tetapi memberikan harapan dan semangat kepada anak-anak ini supaya mereka tahu bahawa masyarakat dan kerajaan sentiasa berdiri teguh di belakang mereka.

Selain pemberian bantuan, majlis hari ini turut dihadiri oleh kira-kira 500 orang termasuk ibu bapa, sekali gus menjadi platform interaksi antara PERDA dan penduduk setempat bagi memahami keperluan pembangunan komuniti di kawasan luar bandar dengan lebih mendalam.

